



SEMINAR KEBANGSAAN
ALAM & TAMADUN MELAYU:
“MEMPERKASA WARISAN,
SEJARAH, ADAT & JATI DIRI
TAMADUN BANGSA”

9-10 NOVEMBER 2021 (SELASA- RABU)
9.00 PAGI - 5.00 PETANG





KANDUNGAN

Atur cara	Muka surat
1. Alu-aluan	
Sekapur Sirih	3
Seulas Pinang	4
2. Pengenalan Persidangan	5
3. Atur Cara Persidangan	6
4. Biodata Pengucap Utama	8
5. Biodata Pembentang dan Abstrak	9
6. Ahli Jawatankuasa & Penghargaan	22

SEKAPUR SIRIH



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Seminar Kebangsaan Alam & Tamadun Melayu: Memperkasa Warisan, Sejarah, Adat & Jati Diri Bangsa Melayu merupakan program kerjasama pintar di antara Muzium Adat, Jabatan Muzium Malaysia dan Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia. Terima kasih kepada Pihak Jabatan Muzium Malaysia (JMM) atas kepercayaan yang diberikan selama ini kepada UKM umumnya dan ATMA khususnya. Penganjuran program ini bertujuan menjunjung visi UKM dengan tekad menjadi universiti terkehadapan. Mendahului langkah masyarakat dan zamannya bagi membentuk masyarakat dinamik, berilmu dan berakhlak mulia. Merealisasi misi UKM untuk menjadi universiti terpilih yang memartabatkan bahasa Melayu serta mensejagatkan ilmu beracuan budaya kebangsaan.

Pertempuran Kampar tapak warisan,
Sejarah nusa pertahan negara;
Perkongsian pintar menjadi medan,
Perkasa bangsa lestari budaya.

Pesan budi pedoman diri,
Terasul Teromba seloka bidalan;
Jati diri budaya tinggi,
Identiti bangsa keperibadian watan.

Lenggok Terinai ditari si uda,
Seni warisan tidak ketara;
Penarafan prakarsa peradaban bangsa,
Satu wawasan kemakmuran bersama.

Tepung kanji gula melaka,
Candil dijamu bubur Mutiara;
Keintelektualan dihias tatasusila,
Negara maju rakyat berbudaya.

Alunan nafiri orang kalur,
Nobat dipimpin tuan penghulu;
Apresiasi seni warisan leluhur,
Aspirasi pembaharuan produk bermutu.

YBhg. Prof. Datuk Seri Dr. Awang Sariyan
Pengarah Institut Alam dan Tamadun Melayu, UKM

SEULAS PINANG



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Selari dengan aspirasi Negara Maju Rakyat Berbudaya dan Dasar Kebudayaan Negara yang baru dilancarkan, Jabatan Muzium Malaysia menetapkan fokus dalam merencanakan fungsinya sebagai pemangkin pembangunan sektor sosial, ekonomi, pendidikan, modal insan dan hal-hal yang menyentuh kepada keharmonian dan kreativiti masyarakat. Penganjuran Seminar Kebangsaan Alam dan Tamadun Melayu secara bersama dengan ATMA selaku pemegang taruh merupakan bukti komitmen dan iltizam memperkasa, memelihara, memulihara dan melindungi khazanah budaya bangsa dan tamadun bangsa. Tahniah dan syabas kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan kolaborasi perkongsian pintar yang bermakna ini.

Emas tekat disusun rapat,
Tenun cik puan bunga kenanga;
Media dimanfaat menyebarkan maklumat,
Rencana Dasar Budaya negara.

Bertangga batu pengukuh binaan,
Bertiang empat berbumbung sesikat;
Adat beradat seni berzaman,
Berlandaskan ilmu kearifan setempat.

Timah campuran pancalogam tembaga,
Manikam cahaya keris berpamur;
Khazanah warisan peradaban bangsa,
Martabat budaya masyarakat makmur.

Destar Menteri dendam berahi,
Peralinan busana benang sutera;
Teknologi melestari budaya tinggi,
Sosial terbina ekonomi terjana.

Emas ukiran hulu senjata,
Jambiah dihunus bilah keluli;
Objek warisan giat diwarta,
Potensi dieksplorasi terus dipromosi.

YBhg. Datuk Kamarul Baharin A. Kasim
Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia

PENGENALAN PERSIDANGAN

Pengenalan

Program ini berbentuk seminar yang bertajuk *Seminar Kebangsaan Alam & Tamadun Melayu: Memperkasa Warisan, Sejarah, Adat & Jati Diri Bangsa Melayu* yang merupakan program kerjasama pintar di antara Muzium Adat, Jabatan Muzium Malaysia dengan Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia. Program ini bakal dilangsungkan secara atas talian melalui platform Webinar dalam mengharungi era norma baharu sempena pandemik virus Covid-19 yang sedang melanda dunia. Program ini akan menampilkan beberapa tokoh akademik terkemuka di Malaysia.

Objektif

1. Merungkai definisi dan ciri-ciri tamadun Bangsa Melayu kepada masyarakat khususnya generasi muda.
2. Mengupas konsep tamadun bangsa Melayu yang menjadi tonggak utama kepada pembentukan semangat kenegaraan Malaysia.
3. Menjadikan Muzium Adat sebagai sebuah institusi yang berdaya saing dalam memartabatkan budaya ilmu dengan menjalinkan kerjasama dengan institusi-institusi pendidikan awam negara.
4. Membudayakan norma baharu melalui penganjuran program ilmiah menggunakan platform media sosial yang boleh diakses secara meluas.
5. Memperkenalkan Muzium Adat kepada semua lapisan masyarakat khususnya kepada generasi muda, golongan pendidik, pengkaji sejarah dan budaya.

Konsep Program

Konsep program adalah berbentuk pembentangan kertas kerja secara maya menerusi platform Webinar. Sesi pembentangan akan diselangi beberapa tayangan pameran maya (virtual exhibition) oleh JMM.

ATUR CARA PERSIDANGAN DAN PERASMIAN

Hari Pertama

9 November 2021 | Selasa

Hari Pertama	Atur Cara
9:00 pagi	Pembukaan oleh Pengerusi Majlis Nyanyian Lagu Negaraku Nyanyian Lagu Rasmi JMM Bacaan Doa : En Ahmad Bazri Mokhtar
9:15 pagi	Ucapan Alu-aluan YBhg. Prof. Dr. Mohammad Kassim, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Mewakili YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Ekhwan Toriman, Naib Canselor UKM
9.30 pagi	Ucapan Perasmian YBrs. Dr Tan Awang Besar, Setiausaha Bahagian Dasar Kebudayaan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) Mewakili YBhg Datuk Wira Dr. Noor Zari bin Hamat Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
9.45 pagi	Montaj Perasmian
10.00 pagi	Ucap Utama YBhg. Prof Ulung Datuk Dr Shamsul Amri Baharudin Pengarah Institut Kajian Etnik UKM
11.00 pagi	Pameran Maya
11.15 pagi	Sesi Pembentangan 1: YBhg. Prof. Madya Dr. Asyaari Muhamad
12.00 tengah hari	Sesi Pembentangan 2: YBhg. Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican
12.45 tengah hari	Sesi Soal Jawab
1.00 tengah hari	REHAT/MAKAN TENGAH HARI/SOLAT
2.30 petang	Sesi Pembentangan 3: YBhg. Prof. Emeritus Datuk Dr. Abdullah Zakaria bin Ghazali
3.15 petang	Pembentang 4: YBhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Wan Ramli Wan Daud
4.00 petang	Pembentang 5: YBrs. Tuan Mohd Razaimi bin Hamat
4.45 petang	Sesi Soal Jawab
5.00 petang	Bersurai



ATUR CARA PERSIDANGAN DAN PERASMIAN

Hari Kedua

10 November 2021 | Rabu

Hari Kedua	Atur Cara
8.45 pagi	Pembukaan oleh Pengerusi Majlis
9.00 pagi	Pembentang 6 : YBhg. Prof. Datuk Seri Dr. Awang Sariyan
9.45 pagi	Pembentang 7 : YBhg. Prof. Emeritus Chamhuri Siwar
10.30 pagi	Pembentang 8 : YBhg. Prof. Dr. Nor Hashimah Jalaludin
11.15 tengah hari	Pembentang 9: YBhg. Prof. Dr. Jayum Anak Jawan
12.00 tengah hari	Pembentang 10: YBrs. Tuan Haji Fauzi bin Muda
12.45 tengah hari	Sesi Soal Jawab
1.00 petang	REHAT/MAKAN TENGAH HARI/SOLAT
2.30 petang	Pembentang 11: YBhg. Prof. Madya Dato' Paduka Dr. Mohd Rosli Saludin
3.15 petang	Pembentang 12 : YBrs. Prof. Madya Dr Noor Hanita Abdul Majid
4.00 petang	Sesi Soal Jawab
4.15 petang	Pameran maya
4.30 petang	Majlis Penutup
	Ucapan YBhg. Prof. Datuk Seri Dr. Awang Sariyan Pengarah Institut Alam dan Tamadun Melayu, UKM
	Ucapan YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia
5.00 petang	Bersurai

PENGUCAP UTAMA

YBHG. PROF. ULUNG DATUK DR. SHAMSUL AMRI BAHARUDIN



Shamsul Amri Baharuddin, BA, MA (Malaya), PhD (Monash, Australia), FASc, lulusan bidang antropologi sosial; salah seorang daripada lima (5) Profesor Ulung lantikan Kementerian Pengajian Tinggi; penerima Academic Prize Fukuoka Award 2008; dinobatkan sebagai Felo Akademi Sains Malaysia (salah seorang daripada 10 ahli sains sosial diantara 400 ahli sains tersohor Malaysia) pada 2018; pada Januari 2019 dilantik sebagai Pengerusi, Majlis Profesor Negara (MPN) yang dianggotai 3200 profesor IPTA & IPTS; pada September 2019 dianugerah Kursi UNESCO (Komunikasi & Kesepaduan Sosial) berlabuh di UKM; mengetuai pasukan penggubal Dasar Perpaduan Negara (2020), Blueprint Perpaduan Negara (2020), Pelan Tindakan Perpaduan Negara (2021) dan Indeks Perpaduan Nasional 2.0 (2021). Sering diundang sebagai pengulas hal ehwal semasa Malaysia dan ASEAN oleh media massa Malaysia dan luar negeri.

ILMU DAN PEMBENTUKAN IDENTITI: DARI 'PENGAJIAN MELAYU' KE 'PENGAJIAN ALAM MELAYU'

Perbincangan mengenai ekologi identiti bangsa Melayu moden, sama ada mengenai warisan, sejarah, budaya, bahasa, busana, adat, jati diri dan selainnya, adalah berasaskan kategori etnik Melayu seperti yang disusun dan diguna untuk Banci Penduduk semenjak 1871 yang diperkenalkan penjajah British yang kemudiannya dikemaskini dan diulang kegunaannya setiap banci di Malaya/Malaysia selama 150 tahun berikutnya (1871-2021) sehingga Banci Penduduk 2020-2021 sekarang. Banci Penduduk adalah sebahagian daripada ilmu kolonial, suatu bentuk ilmu yang bertanggungjawab mengisi pengertian dan kandungan 'sejarah, masyarakat dan wilayah' bekas tanah jajahan. Gagasan mengenai orientalisme, mitos pribumi malas, minda tertawan, negara-bangsa, Eurosentrik, muncul dan subur dalam kepompong ilmu kolonial. Terciptanya Pengajian Melayu dan kandungan korpus ilmu yang kita kenal dewasa ini berkait langsung dengan keserjanaan kolonial yang telah diinstitusikan dalam pusat pengajian tinggi di Malaysia dan rantau Nusantara. Tumbuh dari Pengajian Melayu, yang kemudiannya membentuk beberapa variasi seperti Pengajian Alam Melayu, Kajian Indonesia dan Dunia Melayu, dan juga Pengajian Brunei. Gerakan 'tradisi sains sosial mandiri' merupakan percubaan yang ingin melepaskan 'masyarakat membangun' dari minda tertawan yang sebenarnya dibelenggu oleh ilmu kolonial. Esei ringkas ini adalah suatu usaha untuk mengupas bagaimana Pengajian Melayu dalam tradisi keserjanaan kolonial terbina dan berkembang ke jalur Pengajian Alam Melayu yang kita kenal hari ini. Esei ini juga menghujahkan bahawa korpus ilmu dalam Pengajian Melayu dan beberapa variasinya inilah yang mengisi wacana mengenai ekologi identiti bangsa Melayu moden yang telah telah tersalur dalam perbincangan ilmiah, usaha pembentukan dasar dan pemikiran politik Melayu dan bukan Melayu.

Kata Kunci: Ilmu kolonial, penaklukan epistemologi, investigative modality, Pengajian Melayu, Pengajian Alam Melayu, ilmu, identiti.

**BIODATA PEMBENTANG
&
ABSTRAK**



PROF. MADYA DR. ASYAARI MUHAMAD



Prof. Madya Dr. Asyaari Muhamad adalah seorang pakar dalam bidang Arkeologi Darat dan Arkeologi Maritim. Kini merupakan Pakar Rujuk dalam Jawatankuasa Penilaian Objek, Tapak Warisan Arkeologi dan Maritim oleh Jabatan Warisan Negara dan Jabatan Muzium Malaysia, Panel Penasihat Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi serta Ketua Penyelidikan dan Ekskavasi Lanjutan Berkaitan Artifak Kesultanan Melaka dan Rangka Kapal Purba di Pulau Melaka, Melaka selain Sidang Editor SPAFA Journal. Banyak melakukan penyelidikan berhubung dengan bidang arkeologi sejak tahun 1996 hingga sekarang.. Menghasilkan beberapa buah penulisan Buku dan pernah memenangi Anugerah Buku Cemerlang 2019 di peringkat Kebangsaan. Banyak menulis dalam artikel berhubung dengan pakar bidang seperti dalam Jurnal tempatan dan Antarabangsa. Menghadiri dan membenteng kertas kerja di peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa sejak 1998 hingga kini.



ASAL USUL BANGSA MELAYU MELALUI BUKTI DATA ARKEOLOGI

Prof. Madya Dr. Asyaari Muhamad

Isu berkenaan asal usul orang Melayu di Malaysia khususnya sentiasa dipersoalkan sejak sekian lama. Justeru itu, beberapa pengkaji dari pelbagai bidang seperti sejarah, arkeologi, bahasa, linguistik, etnografi dan sains cuba merungkai asal usul orang Melayu. Terdapat 5 teori tentang asal usul orang Melayu. 3 teori awal adalah dari penyelidik barat manakala 2 lagi teori dari sarjana tempatan. Ada yang berpendapat, orang Melayu berasal dari wilayah selatan China iaitu Yunan, dari Taiwan, Borneo dan dari Pentas Sunda. Hasil kajian saintifik terkini secara ujikaji DNA telah mengesahkan bahawa orang Melayu adalah berasal dari benua Sunda dan secara tidak langsung, beberapa teori awal tentang asal usul orang Melayu yang dikatakan berasal dari Yunan dan Taiwan tertolak. Terdapat juga pandangan mengatakan bahawa tamadun awal Tanah Melayu sekitar awal abad Masihi dibangun dan dimajukan oleh orang India melalui teori “The Greater Indianization”. Pengaruh orang India pada awal abad Masihi di rantau ini memang tidak dapat dinafikan, namun demikian, segala pentadbiran, perekonomian, pembangunan dan teknologi yang wujud di Alam Melayu pada waktu itu diusahakan oleh masyarakat tempatan yang juga dikenali sebagai kearifan tempatan atau “local genius”. Pengaruh India terutamanya dari aspek penyebaran agama Buddha dan Hindu amat kuat dari segi kepercayaan dan keagamaan di Alam Melayu sekitar awal abad Masihi sebelum datangnya pengaruh Islam sekitar abad ke 11 Masihi. Pada hari ini, Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai masyarakat majmuk yang terdiri daripada pelbagai suku kaum, adat istiadat, budaya dan agama yang berbeza. Namun demikian, demi mengharmonikan negara kita yang tercinta ini, isu asal usul orang Melayu yang majoritinya menetap, mentadbir di Malaysia tidak perlu dipersoalkan lagi.

Kata kunci: Orang Melayu. Arkeologi. Asal Usul. Buddha. Hindu

PROF. DATO' DR. AHMAD MURAD MERICAN



Professor Dato' Dr. Ahmad Murad Merican ialah profesor sejarah sosial dan intelektual, Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (ISTAC-IIUM). Beliau merupakan felo kanan, Centre for Southeast Asia Research and Hub (SEARCH), De La Salle University, Manila. Profesor Murad memperoleh ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Sejarah dan Falsafah Sains, Universiti Malaya. Minat akademik dan penyellidikan beliau ialah kajian media dan kewartawanan, sejarah sains sosial, dan sejarah sosial dan intelektual. Beliau merupakan Presiden Persatuan Pengajar Kewartawanan Malaysia (MJTS), serta Naib Presiden Persatuan Komunikasi Asia Pasifik (PACA) dan merupakan kolumnis untuk New Straits Times, Melaka Hari Ini, dan Dewan Masyarakat, serta telah menerbitkan 17 buah buku termasuk Batu Uban: Sejarah Awal Pulau Pinang (2015), Revisiting Atas Angin: A Review of the Malay Imagination of Rum, Ferringghi and the Penjajah (2019); Batu Uban, Tanjong, dan Bagan: Pengkisahan Lisan (editor/2020), dan Colonialism in the Malay Archipelago (editor Bersama/2020).



TANAH AIR DAN MERANTAU: NARATIF MEMORI KEPULAUAN MELAYU SEBAGAI SATU KATEGORI KONSEP ILMU SOSIAL

Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican

Konsep dan amalan merantau amat segar dan berfungsi kearah pembinaan makna diri dan semangat 'kewatanan' di wilayah Kepulauan Melayu sejak sebelum kedatangan penjajah Eropah lagi. Dalam kesedaran dan naratif Melayu di Malaysia, orang Minangkabau dikaitkan dengan satu konsep, institusi dan amalan, tersebut. Namun, ia bukan khusus kepada orang Minangkabau sahaja. Sekian lama orang-orang Minangkabaulah yang merantau dari ranah Minang yang terletak di Banjaran Barisan, ke seluruh pelusuk Kepulauan Melayu, termasuk Semenanjung Tanah Melayu (seperti Kedah, Perak, Pahang, Selangor), dan bukan hanya di Negeri Sembilan.. Orang Minangkabau juga ke pulau-pulau Borneo, Sulawesi, gugusan kepulauan Filipina. Mereka adalah 'penjajah awal' rantau ini. Sifat dan sentimen merantau ini telah terpahat dalam kesedaran penghuni alam kepulauan Melayu sejak bila muncul kelompok dan kesedaran identiti dari lubuk geografi dan sejarah rantau ini. Merantau mempunyai hubungan akrab dengan 'tanah air'- satu ruang peradaban, budaya, sosial, intelektual dan politik yang dipegang oleh penghuni kepulauan Melayu, juga disebut sebagai Nusantara. Merantau juga membawa suatu pengertian abstrak bersangkutan kitaran pergerakan di rantau ini. Semenanjung merupakan sebahagian dari entiti geo-budaya yang lebih luas. Kertas kerja ini membawa naratif dan sentimen dari beberapa penulisan yang bersifat autobiografi, Ia mencadangkan istilah 'merantau' digunakan secara umum bagi menggantikan istilah 'pendatang' atau 'migran' di tanah dan air dunia Melayu. 'Rantau' dan 'merantau' perlu diiktiraf sebagai kategori formal dalam wacana global sosiologi dan ilmu sains sosial sebagai pandangan sarwa dan ilmu Melayu kepada tradisi keilmuan dunia.

PROF. EMERITUS DATUK DR. ABDULLAH ZAKARIA GHAZALI



Profesor Emeritus Datuk Dr Abdullah Zakaria Ghazali dilahirkan pada 13 November 1951 di Besut, Terengganu. Minatnya yang mendalam dalam sejarah kesultanan Melayu mendorongnya untuk menjalankan penyelidikan kedoktoran mengenai pertikaian politik antara keluarga Sultan dan Temenggung di Johor dari 1825 hingga 1885. Selepas bersara sebagai seorang pensyarah, beliau kemudian berkhidmat sebagai profesor kontrak sehingga 2014, dan sebagai felo penyelidik sehingga 2016 apabila beliau kini diberi penghormatan dengan jawatan profesor emeritus oleh Universiti Malaya. Beliau mempunyai banyak penerbitan terutamanya dalam bentuk buku, bab buku dan artikel jurnal, dan juga telah membentangkan kertas kerja di peringkat nasional dan antarabangsa. Sehingga kini, beliau telah menyelia 16 sarjana dan 23 tesis PhD. Sebagai mengiktiraf kredibiliti akademiknya, beliau telah dijemput untuk bertindak sebagai pemeriksa tesis luar oleh Universiti Charles Darwin (Australia), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Malaysia Sabah. (UMS) – serta penilai luar oleh pelbagai universiti tempatan. Profesor Datuk Dr. Abdullah Zakaria sudah pasti salah seorang ahli sejarah paling prolifik di Malaysia khususnya dalam bidang penyelidikannya.



**PERKASAKAN SEJARAH, JATI DIRI DAN PERPADUAN TEGUH:
PERBINCANGAN DARI SUDUT PANDANG SEJARAH**

Prof. Emeritus Datuk Dr. Abdullah Zakaria Ghazali

Negara Malaysia menyimpan banyak memori sejarah yang amat perlu digali, diketengahkan dan diperkasakan kepada khlayak untuk diambil teladan serta pengajaran supaya jati diri dan perpaduan teguh dalam kalangan penduduk Malaysia. Apabila sejarah diperkasakan, warganegara menghormati sejarah negara, dan ini sekaligus boleh mengukuhkan jati diri dan perpaduan. Kertas ini hanya memfokuskan beberapa aspek dalam sejarah Malaysia sebagai contoh memperkasakan sejarah akan menambah pengetahuan serta kesedaran, dan seterusnya lahir sebagai warganegara Malaysia yang berterusan dan prihatin terhadap jati diri serta perpaduan. Dalam perbincangan ini digunakan sumber primer; rekod Negeri dan Persekutuan yang tersimpan di Arkib Negara Malaysia, serta rekod berkaitan yang tersimpan di Arkib Kebangsaan United Kingdom. Selain itu, perbincangan ini juga merujuk sumber-sumber sekunder yang berkaitan.

PROF. DATO' IR. DR. WAN RAMLI WAN DAUD



Prof. Dato' Ir. Dr. Wan Ramli Wan Daud FASc kini ialah Profesor UKM-Petronas Tenaga Hidrogen Lestari di Institut Sel Fuel, Universiti Kebangsaan Malaysia (Disember 2019- 2021), Profesor Kejuruteraan Kimia di Jabatan Kejuruteraan Kimia & Proses, Fakulti Kejuruteraan & Alam Bina, UKM (1996-2021), Pengarah Pengasas (2007-2013) dan Felo Penyelidik Utama Institut Sel Fuel, UKM. Hingga kini, Presiden Pengasas Persatuan Tenaga Hidrogen Malaysia (MAHE), Presiden Akademi Sains Islam Malaysia (ASASI), Felo Institution of Chemical Engineers, Felo Akademi Sains Malaysia, Felo The World Academy of Science (TWAS), dan Ahli Akademi Sains Islam Malaysia. Menerima anugerah berprestij Anugerah Merdeka 2016 dan menerima Anugerah Tokoh Akademik Bahasa Melayu 2020. Terdahulu, beliau telah disenaraikan sebagai seorang daripada World's Most Influential Scientific Minds iaitu 1% saintis tertinggi Dunia. Menerbit 413 makalah dalam jurnal antarabangsa, dan telah disitasi dalam WOS sebanyak 10,983 kali dengan H-indeks 54; dalam SCOPUS sebanyak 12,006 kali dengan H-indeks 57, dan dalam Google Scholar sebanyak 17,936 kali dengan H-indeks 68.



ETNOSAINS DAN ETNOTEKNOLOGI MELAYU DAN PEMBINAAN SAINS DAN TEKNOLOGI MELAYU MODEN

Prof. Dato' Ir. Dr. Wan Ramli Wan Daud

Mengikuti Kuhn, sains yang dibina oleh sesuatu tamadun diwarnai oleh kerangka pemikiran tamadun itu tentang alam semesta/kosmologi/paradigma umat. Setiap tamadun mulai membangun ilmu S&T aslinya dengan memahami alam dan mengguna sumber alam berasaskan agama, pandangan hidup dan nilai budayanya. Tamadun itu juga mempribumikan dan mengungkapkan semula S&T dari tamadun lain melalui penterjemahan ke dalam bahasa ibundanya dan menyaring S&T baru menurut agama, pandangan hidup dan nilai budayanya supaya lebih mudah diseraskan dengan S&T aslinya. Setelah menguasai dan berupaya mengkritik S&T baru itu, maka tamadun itu akhirnya berjaya mencipta S&T sendiri hasil gabungan S&T asli dan asing menurut agama, pandangan hidup dan nilai budayanya. Tamadun Islam berjaya mewarisi hampir seluruh korpus S&T dunia purba dan juga menyumbang pula kepada kesinambungan ilmu S&T itu dengan karya asli yang menggali bidang S&T baru. Sains yang dibina oleh tamadun Melayu iaitu etnosains Melayu terasas pada kerangka pemikiran Melayu pra-Islam dan kemudian Melayu-Islam. Teknologis Melayu klasik pula ialah pandai keris dan besi, tukang timbal jong dan tukang kincir air. Teknologi besi dan logam, kapal, jong dan kincir air sudah dikuasai orang Melayu sejak purba kala lagi. Tamadun Melayu moden kini telah berjaya mewarisi dan menguasai sains dan teknologi Barat, tetapi telah terputus daripada warisan sains dan teknologi Melayu asli. Sains dan Teknologi Barat ini sedang diperibumikan melalui penciptaan istilah baru, penterjemahan dan penulisan buku dan makalah yang masih mengikut paradigma Barat. Kertas ini juga akan mencadangkan strategi dan kaedah untuk membangunkan sains dan teknologi Melayu moden mengikut paradigma Melayu-Islam.

TUAN MOHD RAZAIMI HAMAT



Mohd Razaimi bin Hamat merupakan Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman) bagi Jabatan Muzium Malaysia. Beliau memiliki pengalaman yang meluas dalam bidang kuratorial kerana telah lama berkecimpung dalam dunia permuziuman bermula sejak tahun 2002 dan telah didedahkan dengan pelbagai pengalaman di Sektor Permuziuman dan Sektor Dasar. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastra (Kepujian) dan bidang Antropologi & Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 2000. Beliau sering dijemput sebagai pembentang bagi kertas kerja berkaitan permuziuman atas kapasiti pengalaman beliau khususnya dalam bidang pengurusan koleksi dan pengurusan permuziuman amnya.



KOLEKSI SENIKRAF TRADISIONAL MELAYU DI JABATAN MUZIUM MALAYSIA: TINJAUAN DALAM ASPEK SEJARAH DAN KEBUDAYAAN

Tuan Mohd Razaimi Hamat

Objek senikraf dalam masyarakat Melayu merupakan salah satu aspek yang penting yang dihubungkan dengan budaya material. Ia juga menggambarkan latar belakang sejarah kebudayaan masyarakat Melayu pada masa silam dan turut melambangkan jati diri masyarakat Melayu. Di samping itu, penciptaan sesetengah objek senikraf oleh masyarakat Melayu turut memberi gambaran tentang kemahiran daya cipta dan teknologi dalam konteks kearifan tempatan (local wisdom). Di Jabatan Muzium Malaysia (JMM), koleksi senikraf Melayu ini dianggap artifak yang amat signifikan untuk menyampaikan maklumat kepada umum tentang identiti kebudayaan Melayu, kepercayaan serta nilai estetika sesebuah artifak senikraf dalam konteks permuziuman. Dari sudut sejarah institusi permuziuman di Malaysia pula, objek senikraf Melayu di JMM merupakan antara koleksi etnologi yang terawal yang menarik minat para pentadbir dan pengkaji kolonial terutamanya di Muzium Perak dan Muzium Selangor yang mana ianya menjadi antara subjek penting dalam kajian dan penerbitan sama ada jurnal, monograf dan buku ketika period kolonial British di Malaysia.

Kata Kunci: Senikraf, Budaya Material, Muzium, Kearifan tempatan dan Identiti Kebudayaan

PROF. DATUK SERI DR. AWANG SARIYAN



Prof. Datuk Seri Dr. Awang Sariyan ialah Pengarah ke-12 ATMA sejak Januari 2021 dan juga Pengerusi Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka. Sebelumnya beliau menyandang beberapa jawatan akademik dan pentadbiran, antaranya Penyanggand Kursi Pengajian Melayu kerajaan Malaysia di Beijing (dua kali), Penyanggand Kursi Za'ba di UPSI, Profesor di UPM, UM dan ISTAC-UIAM, Ketua Pengarah DBP dan pernah menjadi Pensyarah Kanan di Universiti Brunei Darussalam. Pernah menjadi anggota Panel Penasihat AKEPT dan hingga kini Felo Kanan Institut Masa Depan Malaysia. Di peringkat serantau dan antarabangsa, beliau selama beberapa tahun menjadi Ketua Perwakilan Malaysia dalam Sidang MABBIM, MASTERA dan MABM, Profesor Tamu Goethe Universitat, Frankfurt, Jerman dan Universitas Sumatera Utara, Indonesia. Karya tulisnya meliputi lebih 70 judul buku linguistik, falsafah, pendidikan, kamus, buku teks dan kumpulan puisi serta lebih 500 makalah dan bab dalam buku. Anugerah yang diterima, antaranya UNESCO-KLWBC, Anugerah Sastera Johor, Profesor Kehormat Beijing Foreign Studies University dan Doktor Kehormat World Academy of Arts California USA.



BAHASA MELAYU SEBAGAI WARISAN TAMADUN DAN ASAS PEMBENTUKAN JATI DIRI 'KELUARGA MALAYSIA'

Prof. Datuk Seri Dr. Awang Sariyan

Hubungan antara bahasa dengan pertumbuhan dan perkembangan tamadun manusia menjadi fitrah sejagat. Tamadun Yunani sebagai tamadun awal yang dicatat dalam sejarah menunjukkan bahawa bahasa dijadikan wahana perkembangan segenap bidang tamadun dan kehidupan, seperti politik, undang-undang, etika, sains, kosmologi dan komunikasi. Demikian juga halnya dalam tamadun China, India, Parsi dll. Fakta itu tidak terkecuali bagi tamadun Melayu. Sejarah pertumbuhan tamadun Melayu dikesan bermula belasan atau puluhan tahun lalu dan dikenal sebagai Tamadun Pentas Sunda yang kini menjadi alam Melayu. Fasa-fasa perkembangan bahasa Melayu seiring dengan perkembangan tamadun Melayu, daripada fasa zaman awal, fasa zaman kuno, fasa zaman klasik dan fasa zaman baharu. Dalam proses pembinaan negara merdeka, bahasa Melayu menjadi salah satu pancang kenegaraan di samping pancang lain seperti Islam sebagai agama Persekutuan, kedudukan Raja-Raja dan kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera. Kertas ini mengupas perspektif sejarah dan isu semasa yang berkaitan dengan bahasa Melayu sebagai "warisan tamadun dan pembentukan jati diri "Kseluarga Malaysia".

PROF. EMERITUS CHAMHURI SIWAR



Chamhuri Siwar merupakan Profesor Emeritus dan mantan Felo Utama di Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Sarjana Ekonomi dari University of Leeds, United Kingdom dan Sarjana Sains dari Iowa State University. Bidang kepakaran beliau adalah kajian kemiskinan, ekonomi alam sekitar, ekonomi pertanian dan pembangunan mapan.



**EKONOMI MELAYU-BUMIPUTERA: CABARAN KE ARAH KEPERLUAN
JATIDIRI DAN BERDIKARI**

Prof. Emeritus Chamhuri Siwar

Masyarakat Melayu-Bumiputera merupakan masyarakat awal menetap di Malaysia yang sebelum ini dikenali sebagai Tanah Melayu dan masih menjadi kaum majoriti sehingga hari ini. Masyarakat Bumiputera-Melayu di Malaysia telah mengalami perubahan aktiviti ekonomi selaras dengan perubahan zaman iaitu bermula daripada era tradisional sehingga era pasca merdeka. Pelaksanaan dasar-dasar ekonomi dilihat secara langsung mempengaruhi perubahan ekonomi masyarakat Melayu. Dasar pasca kemerdekaan seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB) antara penyumbang kepada pengembangan ekonomi Melayu-Bumiputera. Meskipun terdapat pelbagai dasar yang telah dilaksanakan yang mempengaruhi ekonomi, masyarakat Melayu-Bumiputera masih memerlukan jatidiri dan berdikari dalam menghadapi pelbagai cabaran yang perlu dihadapi. Oleh itu, makalah ini akan membincangkan ekonomi dan cabaran yang menuntut kepada jatidiri dan keperluan berdikari masyarakat Melayu-Bumiputera dalam menghadapi perubahan ekonomi. Pelaksanaan dasar ekonomi dan cabaran yang perlu mereka dihadapi menuntut kepada satu usaha dalam memastikan ekonomi Melayu-Bumiputera terus lestari. Berdasarkan perbincangan, masyarakat Melayu-Bumiputera menerima perubahan ekonomi. Selepas kemerdekaan, ekonomi masyarakat Melayu-Bumiputera telah berubah kepada penglibatan ekonomi berskala besar seperti peladangan di bawah projek pembangunan dan galakkan dalam sektor perniagaan dan pekerjaan profesional. Meskipun banyak dasar-dasar jangka masa panjang telah dilaksanakan, DEB menjadi dasar dominan dalam membangunkan masyarakat Melayu-Bumiputera. Meskipun masyarakat Melayu-Bumiputera menuju ke arah jatidiri, persoalan yang timbul ialah tetapi adakah masyarakat Melayu masih memerlukan “tongkat” dan bantuan dalam menghadapi cabaran ekonomi semasa.

PROF. DR. NOR HASHIMAH JALALUDDIN



Nor Hashimah binti Jalaluddin ialah Profesor di Program Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Bidang kepakaran beliau ialah semantik, pragmatik dan geolinguistik. Beliau aktif melaksanakan kerja penyelidikan, penerbitan buku dan artikel jurnal di samping melahirkan ramai modal insan dalam bidang linguistik. Minat yang mendalam pada penyelidikan telah mula membuah hasil apabila pengelompokan dialek Melayu berasaskan teknologi dapat diketengahkan menggantikan peta dialek yang lama. Selain dialek, pengkaji juga turut menghasilkan semantik inkuisitif yang mencungkil hubungan metafora dengan akal budi Melayu. Terkini pengkaji dan rakan-rakan penyelidik telah menghasilkan produk RakanBM, iaitu satu aplikasi mudah alih bahasa Melayu bagi penutur asing. Kegigihan pengkaji dalam penyelidikan dibuktikan dengan anugerah yang diraih. Antaranya, anugerah kertas kerja terbaik di Rome, Italy (2013), Anugerah Penyelidik Cemerlang (2013), Anugerah Penyelidik Terbilang (2014), Anugerah Tokoh Akademik Bahasa Melayu Negara (2014), Anugerah Bitara Akademia Bahasa Melayu Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM (2016), Anugerah MYRA 2020 dan Anugerah Bitara Akademia Bahasa Melayu UKM (2017, 2021).



LANSKAP PENYEBARAN DIALEK MELAYU

Prof. Dr. Nor Hashimah Jalaluddin

Kajian dialek secara formal telah bermula seawal tahun 1960an lagi di Malaysia dengan kajian Ismail Hussin. Kajian yang dilakukan telah berjaya mengelompokkan dialek Melayu kepada dialek utara, Perak, Johor, Negeri Sembilan dan Pantai timur. Pengelompokan ini kemudiannya ditulis semula oleh Asmah Haji Omar. Kajian dialek pada tahap ini lebih kepada kaedah tradisional yang mengelompokkan dialek berasaskan varian bunyi. Kajian menjadi lebih terfokus bila munculnya kajian dialek geografi dan dialek sejarahawi. Malah ada kajian dialek yang dijadikan data sandaran bagi kajian sosiolinguistik dan kajian pengesahan teori. Kajian dialek mula menjadi perlahan dan suram kerana kerangka analisis yang mula tepu sehingga munculnya peranan teknologi yang membolehkan kajian dialek disinergikan dengan kajian geografi melalui Sistem Maklumat Geografi (GIS). Dengan mengekalkan cara pengutipan data lapangan, kesemua data melalui proses pembersihan demi menghasilkan peta persempadanan (isogloss) yang tepat dan sistematik. Kajian multidisiplin ini turut menggabungkan maklumat linguistik dan bukan linguistik seperti topografi, sejarah, dan sosio-budaya. Pendekatan baharu ini bukan sahaja berjaya memplot garis sempadan dialek yang baharu malah memberi penjelasan kepada mengapa munculnya kerencaman dialek di kawasan hulu sungai dan dominasi dialek pantai. Faktor persekitaran yang selamat serta migrasi tanpa sempadan dalam wilayah nusantara zaman dahulu telah turut mewarnakan penyebaran dialek Melayu. Kehadiran dialek Melayu Siam, bahasa Jawa, Banjar, Minang, Rawa, Kerinci jelas di kawasan-kawasan tertentu. Kajian dialek berasaskan teknologi dan deskripsi faktor bukan linguistik telah memberi impak positif kepada penghuraian lanskap penyebaran dialek Melayu khususnya di Semenanjung Malaysia.

Kata kunci: dialek, GIS, isoglos, lanskap, teknologi

PROF. DR. JAYUM ANAK JAWAN

Ramai biasa dengan pernyataan: Manusia dilahirkan sama. Namun, mereka tetap tidak serupa. Apatah lagi bila lensa gender dipakai untuk meninjau konsep itu dari sudut lelaki dan Wanita. Kertas ini ingin berkongsi pengalaman berkaitan konsep itu dari segi kedudukan adat dan budaya dan perlaksanaan dan perubahan yang melanda pemahaman dan perlaksanaan dalam masyarakat kontemporari. Perbahasan akan dibuat berdasarkan masyarakat Dayak Iban, satu dari tiga sub kumpulan, iaitu Iban (atau Dayak Laut), Bidayuh (Dayak Darat), dan Orang Ulu (himpunan beberapa kumpulan kecil orang Asal di Sarawak).

**KONSEP KESAKSAMAAN DALAM MASYARAKAT DAYAK IBAN**

Prof. Dr. Jayum Anak Jawan

Jayum Anak Jawan PhD (Hull); MA (Appalachian); BA (UNC-A) adalah Profesor Politik dan Kerajaan & merupakan penyandang pertama Kursi Penyelidikan Tan Sri Empiang Jabu Mengenai Kajian Wanita Dayak, Jabatan Pengajian Kenegaraan & Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, UPM. Beliau adalah bekas penyandang ke-15 Kursi Tun Abdul Razak di Pusat Pengajian Antarabangsa dan Profesor Pelawat Sains Politik di Jabatan Sains Politik, Ohio University, Athens, Ohio, USA.

TUAN HAJI FAUZI MUDA



Tuan Haji Fauzi Muda adalah merupakan Timbalan Pengarah Perancangan/ Pembangunan di Lembaga Muzium Negeri Terengganu. Mula berkhidmat sebagai Kurator pada tahun 1992 dan telah mengetuai bahagian Muzium Maritim selama 17 tahun. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains daripada Universiti Malaya. Dalam bidang penyelidikan, beliau banyak menjalankan penyelidikan khusus dalam bidang perahu tradisional Terengganu, perahu dagang dan alatan perikanan. Beliau turut menyebarkan hasil penyelidikan dan kepakaran beliau menerusi penerbitan makalah jurnal.



PERAHU TRADISIONAL MELAYU NEGERI TERENGGANU

Tuan Haji Fauzi bin Muda

Budaya maritim merupakan salah satu ikon yang sangat sinonim dengan masyarakat Negeri Terengganu. Cara hidup mereka yang berkait rapat dengan persekitaran air telah memajukan budaya membina dan menggunakan perahu sebagai pengangkutan di air yang utama. Kemahiran yang dimiliki oleh masyarakat Ketika itu telah membuktikan bahawa kebolehan dan keupayaan mencipta berbagai jenis perahu dengan kepelbagaian penggunaan, menggunakan bahan kayu kayan tempatan yang diwarisi melalui pengalaman. Perkembangan pembinaan dan penggunaan kenderaan air di negeri ini dapat dilihat perubahannya daripada pembinaan alat pengangkutan air yang mudah seperti sebatang kayu, berkembang menjadi rakit dan seterusnya sebatang kayu yang dikeruk dikenali sebagai perahu jalur sehingga kepada pembinaan perahu yang diperbuat dari kepingan papan yang ditimbal seperti Perahu Besar dan akhirnya kepada bot moden. Pembinaan pengangkutan air bermula dengan kepandaian manusia menggunakan batang kayu yang timbul, kemahiran mencipta alatan tajam seperti beliong, kapak dan cetar membolehkan batang-batang kayu mulai ditebuk untuk membentuk perahu. Terdapat dua kaedah pembinaan iaitu membina kerangka terlebih dahulu dan diikuti dengan pemasangan papan dinding atau membina badan atau kulit dahulu kemudian dimasukkan kerangka. Walau bagaimana pun, asas pembinaan sesebuah perahu terletak kepada lunas, linggi dan kun. Lunas dan linggi akan menentukan ukuran sesebuah perahu. Antara perahu yang mempunyai lunas, linggi dan kun ialah perahu payang, sekoci, jalural, haluan katup, perahu besar dan sebagainya. Setelah lunas, linggi dan kun di sediakan, papan dinding mula di pasang satu persatu sehingga lengkap. Masyarakat Melayu di Terengganu telah membina kebudayaan berperahu dan selayaknya masyarakat di sini digambarkan sebagai "Masyarakat Berbudaya Maritim".

PROF MADYA DATO' PADUKA DR. MOHD ROSLI SALUDIN



Mohd Rosli Bin Saludin dilahirkan di Kampung Dioh Kecil, Kuala Pilah, Negeri Sembilan Darul Khusus pada 25 September 1962. Memperoleh Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Komunikasi Tradisional Melayu daripada Universiti Malaya pada 3 Ogos 2004. Seterusnya, beliau telah menyambung pengajaran di peringkat universiti di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak bermula pada tahun 1997. Beliau juga pernah menjawat jawatan sebagai Pengarah Institut Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak. Bidang pengkhususan beliau ialah Sastera Tradisional, Kesenian, Kebudayaan, Adat Melayu, Puisi Moden, Drama dan Teater Melayu. Sekarang ini beliau menjadi Felo Penyelidik Kanan di Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. Beliau merupakan penyandang Anugerah Tokoh Warisan Kebangsaan bagi kategori Orang Hidup Jabatan Warisan Negara pada 2018.



MENGENALI ADAT PERPATIH MELALUI TAMBO ALAM MINANGKABAU

Prof Madya Dato' Paduka Dr. Mohd Rosli Saludin

Kajian ini adalah tentang Mengenal Adat Perpatih Melalui Tambo Alam Minangkabau dan yang dilihat ialah sejarah munculnya Adat Perpatih di Minangkabau dan dikaitkan dengan Negeri Sembilan. Pengkaji telah membuat analisis teks tambo dan kemudian dibandingkan dengan Adat Perpatih yang sudah lama diamalkan di Negeri Sembilan. Pengkaji juga telah menggunakan kaedah mengalami dan juga menghayati dan didapati Adat Perpatih di Negeri Sembilan memang ada kaitan dengan adat yang ada di Minangkabau terutama di Kawasan 50 Koto dan juga Tanah Datar tempat datangnya mereka dan mengadakan suku di Negeri Sembilan mengikut nama asal tempat masing-masing. Adat Perpatih dan Adat Temenggung adalah dalam satu rumpun dan ada di Negeri Sembilan dan Naning Melaka sahaja. Adat negeri lain di Malaysia adalah Adat Melayu mengikut negeri masing-masing dan berteraskan kepada Undang-Undang Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka. Ditemui juga Undang-Undang Sembilan Pucuk yang diamalkan sejak dari dahulu hingga sekarang ini yang boleh menjadikan masyarakat hidup aman dan damai. Keakraban Dato' Perpatih dengan Dato' Ketemenggungan dalam pelaksanaan adat telah menjadi panduan dalam menjalankan Adat Perpatih dan Adat Temenggung dan banyak nasihat mereka yang boleh dijadikan sebagai nilai Pendidikan dalam membentuk masyarakat. Kajian Mengenal Adat Perpatih Melalui Tambo Alam Minangkabau ini telah dijadikan panduan yang terbaik kepada penganut Adat Perpatih dan Adat Temenggung untuk dibudayakan secara terbaik.



Noor Hanita Abdul Majid adalah penyelidik, penyunting dan penulis bebas dengan pengalaman bertahun-tahun dalam menulis jurnal, artikel seminar, buku termasuk juga bab untuk buku bagi penerbitan akademik dalam bidang seni bina. Beliau berkelulusan Sarjana Muda dan Sarjana Senibina dari University of Nebraska-Lincoln, USA dan Doktor Falsafah (Senibina) dari Universiti Teknologi Malaysia. Beliau juga berpengalaman bekerja di firma arkitek dan mengajar di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan juga di University of Nizwa di Oman. Semasa memegang jawatan sebagai pensyarah, beliau telah memimpin penyelidikan diperingkat nasional dan juga antarabangsa. Beliau mahir dalam membangunkan kandungan asli berdasarkan kesusasteraan dan penyelidikan lapangan untuk memperkayakan bidang pengetahuan akademik dalam bidang kepakarannya. Beliau juga komited untuk menulis dengan integriti dan dedikasi dalam bidang yang berkaitan dengan seni bina, warisan dan budaya, menjurus pada konteks Alam Melayu, kelestarian budaya dan alam sekitar. serta berkemahiran dalam melaksanakan penulisan penyelidikan, penterjemahan dan penyuntingan untuk tujuan penerbitan.



TIPOLOGI MASJID VERNAKULAR BERBUMBUNG PANJANG DI WILAYAH UTARA SEMENANJUNG MALAYSIA

Prof. Madya Dr. Noor Hanita Abdul Majid

Masjid berbumbung panjang adalah tipologi masjid vernakular yang unik yang dapat dilihat di wilayah utara Semenanjung Malaysia dan selatan Thai; iaitu seperti di negeri Kedah, Perak dan Kelantan dan di wilayah Patani dan Narathiwat. Namun tipologi masjid ini kurang dibincangkan (Bougas, 1992 and Md Sharif and Hazumi), dimana, penulisan dan penyelidikan tentang masjid tradisional di Nusantara lebih menjurus kepada masjid dengan bumbung berbentuk piramida. Masjid tradisional bumbung berbentuk piramid dapat dilihat daripada bentuk wakaf yang paling sederhana, hingga bentuk atap masjid yang lebih kompleks dan berjenjang. Terdapat banyak teori yang dibahas oleh para sarjana mengenai asal usul bumbung pyramid atau 'bumbung Meru' yang dibangkitkan dari pelan berbentuk segi empat (Tajuddin dan Nangkula, 2003 dan 2010 yang merupakan sebuah entiti yang penting dalam agama Hindu dan juga ikon lanskap di Nusantara (Pijper, 1947 dan Bambang, 2004). Apa yang menarik adalah masjid berbumbung panjang dan juga masjid berbumbung piramid kedua-duanya berkait dengan senibina setempat. Masjid berbumbung panjang mempunyai ciri-ciri tersendiri dan rekabentuk yang hampir sama dengan rumah tradisional, manakala kedua-dua tipologi juga berkait dengan bangunan keagamaan yang lain (Mastor et al., 2011). Masjid berbumbung panjang di utara Semenanjung Malaysia dan selatan Thai terdapat dalam bentuk binaan berpanggung dan juga di atas tanah bergantung kepada masa dan bahan binaan yang digunakan. Masjid berbumbung panjang ini mempunyai pelan segiempat tepat yang mana sisi panjangnya selari dengan paksi arah kiblat, sekaligus bumbung panjang sejajar dan memaparkan arah kiblat yang jelas. Makalah ini akan membedah sejarah dan senibina tipologi masjid vernakular ini dengan memaparkan kajian kes terpilih ditempat-tempat yang telah dikenalpasti. Penelitian juga dijalankan dengan mempamerkan persamaan dengan senibina rumah tradisional setempat.

AHLI JAWATANKUASA

Jawatankuasa Induk

Penasihat bersama:

YBhg Datuk Kamarul A.Kassim Baharin
Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia (JMM)

YBhg. Prof. Datuk Seri Dr. Awang Sariyan
Pengaruh Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), UKM

Pengerusi:

YBrs. Prof. Madya Dr. Asyaari Muhamad
Timbalan Pengarah ATMA, UKM

Timbalan:

Encik Nasrulmiazam bin Mohd Nasir
Pengerusi Pengarah Muzium Adat, JMM

Jawatankuasa Kerja

Jawatan Kuasa/Unit	ATMA, UKM	Muzium Adat, JMM
Setiausaha	Cik Suhaini Md Noor	En. Rosiswandy
Bendahari	Puan Zarina Rosni	En Syakir
Jawatankuasa Teknikal dan logistik	Puan Sri Yanti Mahadzir En. Abdul Azzim Naw	Bhgn.Teknologi Maklumat JMM
Jawatankuasa Jemputan dan Pendaftaran	Cik Zaiton Arifin Cik Noorasheedah Mohd Said Puan Farah Dina Ismail	Pn. Siti Norhayati Bhgn. Komunikasi Korporat, MEDM
Jawatankuasa Penerbitan e-prosiding dan buku	PM Dr Nor Zalina Harun Dr Junaini Kasdan Encik Anuar Ahmad Mohd Taqi Encik Mohamad Shafiq Mohd Ali	Bahagian Penyelidikan, Penerbitan dan Dokumentasi, MEDM
Jawatankuasa protokol majlis	Cik Zaiton Arifin Puan Hamizatulazmah Abdul Hamid	Muzium Adat Bhgn. Komunikasi Korporat, MEDM
Jawatankuasa Hebahan dan promosi	Encik Anuar Ahmad Mohd Taqi Encik Abdul Azzim Naw Encik Ahmad Bazri Mokhtar	Bhgn. Komunikasi Korporat, MEDM
Jawatankuasa Buku Program	Puan Sri Yanti Mahadzir Cik Suhaini Md Noor	
Jawatankuasa rakaman dan dokumentasi	Encik Zulhairi Midon Encik Ahmad Bazri Mokhtar	Bhgn.Teknologi Maklumat. MEDM



Muzium Adat & Jabatan Muzium Malaysia

&

**Institut Alam dan Tamadun Melayu,
Universiti Kebangsaan Malaysia**

